

# 52 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Terima Surat Kenaikan Pangkat



Seramai 52 Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) diraikan di dalam Majlis Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat Rabu lalu. Majlis kelolaan Sektor Sumber Manusia (SSM), Jabatan Pendidikan W.P Labuan ini telah diadakan di Bilik Raflesia, Kompleks Ujana Kewangan.

Menurut Ketua Penolong Pengarah, Sektor Sumber Manusia, Encik Mohd Khairul Hafiz bin Juni, majlis ini diadakan bagi merai dan mengiktiraf kenaikan pangkat Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dan Pegawai Kumpulan Pelaksana (PKP) secara Time Based Berasaskan Kecemerlangan (TBBK).

*“Majlis penyerahan surat kenaikan pangkat Fasa 1 ini melibatkan 52 penerima Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dalam pelbagai gred jawatan dan 3 penerima dari Pegawai*

*Kumpulan Pelaksana . Majlis kali ini juga diadakan secara bersemuka dengan mengambil kira SOP yang ditetapkan untuk fasa 4 Pelan Pemulihan Negara(PPN)” katanya lagi.*

Seramai 24 PPP telah menerima kenaikan pangkat dari DG52 ke DG54, seorang daripada DG48 ke DG52, 11 daripada DG44 ke DG48, 16 Daripada DG41 ke DG44 dan 3 orang PKP menerima kenaikan pangkat ke gred N22.

Majlis telah dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan W.P Labuan, Encik Yusup bin Haji Mohamad.

Dalam ucapannya, Encik Yusup mengucapkan tahniah kepada semua penerima kerana telah memberi komitmen cemerlang terhadap amanah yang diberikan.

*“Ini adalah menifestasi penghargaan kerajaan atas sumbangan dan komitmen guru-guru. Kita seharusnya mensyukuri nikmat ini dengan memberi perkhidmatan pendidikan lebih cemerlang dan berkualiti tinggi”*

“Saya menyeru agar kita semua terus istiqamah dan konsisten dalam meningkatkan budaya kecemerlangan dalam organisasi. Bekerjalah bersungguh-sungguh, semoga Allah menerima kerja buat kita hari ini sebagai ibadah di sisiNya” kata beliau lagi.



Ucapan Perasmian oleh Encik Yusup Haji Mohamad  
Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Sektor Sumber Manusia kerana telah berjaya menguruskan kenaikan pangkat ini dengan lancar dan tanpa kecaciran.

Terdahulu, Timbalan Pengarah Sektor Perancangan, Encik Mohd Nizam bin Yasim memimpin bacaan ikrar perkhidmatan awam dan ikrar integriti perkhidmatan awam.

Majlis turut diserikan oleh persembahan koir oleh guru-guru SKBK.



Tahniah diucapkan kepada semua penerima kenaikan pangkat

